



Headline	Nadi penggerak rakyat		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	23 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	28	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 500
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,500

Nadi penggerak rakyat

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8432346344&z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8432346344&z=1600249527)

Perancangan menarik lebih ramai pelabur ke kawasan Parlimen Padang Serai menjadi keutamaan Barisan Nasional (BN) kerana ia bakal menjadi penggerak pembangunan ekonomi kawasan berkenaan. Parlimen Padang Serai di daerah Kulim/Bandar Baharu turut dikenali sebagai kawasan perindustrian yang menjadi nadi penggerak kehidupan penduduk daripada pertanian kepada perindustrian. Sejak 1980-an, kawasan Parlimen Padang Serai serta dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Lunas dan Merbau Pulas mempunyai kawasan industri kecil dan sederhana (IKS) antaranya Kawasan Perindustrian Kelang Lama, Taman Makmur, Taman Kenangan, Padang Meiha dan terbaru kawasan Taman Teknologi Tinggi Kulim (Kulim Hi-Tech). Kewujudan kawasan perindustrian itu secara tidak langsung merancakkan lagi pertumbuhan taman perumahan sekali gus meningkatkan jumlah penduduk yang datang mencari pekerjaan sekaligus meningkatkan kemudahan infrastruktur kawasan itu. Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Padang Serai Dr Chin Tung Leong berkata, kewujudan kawasan IKS di DUN Lunas dan Merbau Pulas menyebabkan berlaku perkembangan pesat di kawasan berkenaan berikutan pertumbuhan banyak taman perumahan baru bagi menampung jumlah penduduk. Menurutnya, peningkatan jumlah taman perumahan membantu pembangunan di kawasan itu apabila pasar raya besar atau kompleks perniagaan muncul untuk memberi kemudahan membeli-belah tanpa perlu keluar dari Kulim. "Selain itu, kawasan Kulim Hi-Tech turut mempunyai institusi pendidikan tinggi seperti UniKL-Malaysia Spanish Institut (MSI), Politeknik Sultanah Bahiyah dan terbaru kampus cawangan Kolej Universiti Sains Perubatan Universiti Allianze (AUCMS). "Kemudahan pusat pengajian tinggi memberi banyak peluang kepada pelajar di kawasan itu melanjutkan pengajian mereka serta peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar. "Bagaimanapun, sejak lima tahun lalu pembangunan sedia ada terbantut seketika dan alirannya lembab apabila kekurangan pelaburan daripada pelabur luar berikutan kurang yakin dengan kemampuan kerajaan negeri PAS Kedah," katanya. Menurutnya, sehingga kini tiada projek pembangunan dijalankan kerajaan negeri, malah projek perumahan kos rendah juga tiada kecuali pembangunan projek perumahan mewah dan kos sederhana bernilai lebih RM100,000. Katanya, melalui kerajaan BN, banyak rancangan pembangunan diatur untuk menambah baik kemudahan infrastruktur seperti pembinaan sekolah dan jalan raya serta jalan di kawasan perumahan di Lunas dan Merbau Pulas. "Keprihatinan BN terhadap masyarakat India juga terbukti melalui pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Paya Besar bernilai RM10 juta yang memberi kemudahan kepada 6,000 masyarakat India di Lunas," katanya. Katanya, pihaknya mewujudkan Unit Bergerak MCA dengan memasuki kawasan kampung untuk membolehkan penduduk menyalurkan aduan atau masalah sebelum disalurkan kepada agensi kerajaan berkaitan. Dr Chin berkata, untuk memberi kemudahan tempat tinggal kepada golongan kurang berkemampuan, BN melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) membina 60 rumah baru yang selesai di Keda Naga Lilit sejak lima tahun lalu. Menurutnya, pihaknya juga merancang menambah baik jalan dari Paya Besar ke Taman Selasih yang terlalu sesak berikutan pertambahan jumlah kenderaan jika BN kembali menguasai kerusi Parlimen Padang Serai. Artikel ini disiarkan pada : 2013/